


Penerokaan ilmu dalam lukisan Farit Azmuddin

UB 27.5.2018 B3



CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

SEJAK tertubuhnya sekolah seni di Universiti Malaysia Sabah pada tahun 1999 telah merangsangkan pertumbuhan seni dan budaya di negeri Sabah dengan begitu menggalakkan sejak itu. Fakulti yang mempunyai program teknologi seni lukis, seni kreatif, dan seni muzik hampir ribuan graduan yang telah keluar dan memperjuangkan nasib mereka dalam pasaran kerjaya yang berbagai-bagai.

Penulis berminat mengangkat pelukis muda keluaran dari institusi seni terkenal di Sabah yang menjadi pelapis di negeri bawah bayu. Beberapa orang pelukis yang sudah mem-

buktikan kemampuan mereka menjadi pelukis ataupun kerjaya yang berasaskan seni yang sedang meneruskan legasi teknologi seni visual yang mereka terima ilmu dari Sekolah Seni (kini FKS, UMS).

Ini juga membuktikan pendidikan seni yang mereka ikuti di peringkat ijazah di studio serta kuliah seni selama tiga tahun sebenarnya telah menghasilkan pelukis tegar yang beraksi di tengah masyarakat di seluruh negara dan yang menyeronokkan lagi adalah barisan pensyarah yang menjadi tulang belakang dalam program teknologi seni visual sepatutnya berbangga dengan pencapaian anak didik mereka.

Di kawasan Bandaraya Kota Kinabalu terdapat beberapa buah sekolah seni sama ada kepunyaan kerajaan atau swasta. Di situ terdapat beberapa orang tenaga pengajarnya dari lepasan Sekolah Seni UMS. Antara yang patut disebut adalah Farit Azmuddin yang kini bermastautin di negeri Sabah, telah mendapat pendidikan formal seni di peringkat universiti. Beliau sangat minat dalam seni lukis sejak di bangku sekolah rendah lagi di Manir Kuala Terengganu.

Alam serta pemandangan kehidupan nelayan di pesisir Laut China Selatan yang terbentang di kampung beliau telah menanamkan pengalaman



SIRI Kinabalu, media campuran.

serta kesan keindahan untuk di nikmati beliau dan akhirnya merakamkan dunia tersebut ke dalam karya sehingga kini.

Bermula melukis dengan media kering seperti warna crayon, pastel, telah menaikkan semangat beliau untuk melukiskan pemandangan indah tersebut ke dalam kanvasnya dengan media yang lebih mencabar seperti akrilik dan cat air.

Di samping itu beliau mengasah bakat melukis dengan tekun semasa menerima kuliah dan kerja praktikal dalam studio dari pensyarah seperti Ismail Ibrahim, Puad Bebit, Along, dan Zaim Sahibil.

Pertemuan dengan tokoh seni yang hebat dalam pentas dunia seni visual tanah air seperti tokoh di atas telah berjaya mengukuhkan persepsi serta sikap estetika, keterampilan yang matang serta ketekunan yang mendalam membentuk pemikiran serta konsepsi seorang pelukis muda yang kreatif seperti Farit Azmuddin.

Kemampuan menterjemahkan berbagai-bagai aspek pendekatan berdasarkan elemen seni dan reka bentuk yang pelbagai, walaupun hanya merujuk kepada satu hal benda misalnya seperti siri Kinabalu, abstrak, Borneo Heritage dan sebagainya bukanlah sesuatu usaha yang mudah yang mudah.

Justeru atas ketekunan dan usaha yang tak kenal penat lelah beliau dapat dilihat meng-

hasilkan karya yang menggetarkan melalui kepakaran campuran warna serta mengolah bentuk bentuk yang dipilih begitu berbakat menerusi keyakinan dan kefahaman yang mendalam.

Mengambil iktibar serta contoh dari pelukis agung Pablo Picasso yang menerokai pelbagai gaya dan aliran seni lukis, Farit telah mencuba berbagai-bagai kaedah seperti mana idola beliau Picasso, oleh sebab itu banyak pendekatan yang di cuba oleh beliau telah membuahkan hasil yang memberangsangkan.

Sejak di peringkat ijazah lagi beliau berjaya meneroka beberapa aliran dan teknik seni lukis Pascamoden seperti impresionis, indie, *letterism*, pop, abstrak ekspresionis dan *action painting*. Pendedahan di peringkat sekolah seni IPT agak berbeza dari pengaruh seni jalanan, oleh sebab itu Farit memiliki persepsi bahawa kepelbagaian serta inovasi boleh dilakukan terhadap hal benda atau (*subject matter*) dalam penghasilan karya lukisan seseorang pelukis yang dinamik mesti mempelbagaikan punca mereka dan bukan berkarya dengan cara stereotaip atau konvensional.

Pelukis perlu berubah dan melihat peluang untuk mencipta sesuatu yang baru. Berdasarkan sikap yang proaktif dalam berkarya banyak karya beliau yang menjadi koleksi

pengumpul dari dalam dan luar negara sebagai contoh semasa mengadakan pameran berkumpulan di Palace Du Palais Royal Paris, Perancis pada tahun 2015 semasa mengambil bahagian dalam pameran Hari Malaysia di Paris, banyak karya beliau telah menjadi milik pengumpul seni di sana.

Kini sebagai seorang pensyarah di University College Sabah Foundation di Kota Kinabalu beliau mendidik ramai pelajar terdiri dari anak anak tempatan dengan berkongsi pengalaman beliau sebagai seorang pelukis yang gigih mengharungi kerendah dunia seni. Karya Farit bertajuk Siri Khazanah Borneo diwakili lukisan catan minyak dengan hal benda sebuah pokok ara yang di fokuskan ke pangkal pokok gergasi yang menjulang tinggi, sedangkan akar yang berbelit belit itu mencengkam bumi bagi memperkukuhkan serta memadukan kedudukannya.

Sebuah lukisan aliran Realisme namun metafora dan simbol karya tersebut lebih menekankan kepada kuasa dan juga kedudukan pemimpin seseorang yang bersifat ganas dapat dibaca melalui akar akar yang menjalar serta menikam bumi dengan raksusnya. Karya lukisan monokrom dalam warna hijau menonjolkan sensasi kehijauan yang menekankan kepada hasrat beliau untuk menyedarkan khalayak kepada



FARIT AZAMUDDIN



SIRI Barracuda alirilik, 2014.

akibat alam yang tercemar dan tidak dipedulikan. Karya dalam siri ini sangat mantap kerana kepakaran pelukis menggambarkan beberapa hidupan hutan tropika di Borneo sebagai jantung utama dunia.


Farit juga tidak ketinggalan mengangkat tajuk yang dekat di hati beliau iaitu siri Gunung Kinabalu yang digambarkan berbagai-bagai sudut serta bahagian gunung dari bawah hingga ke puncaknya. Farit tidak seronok hanya melukiskan hal benda beliau dengan gaya yang sama kerana pada beliau, insaan kreatif bebas untuk menggambarkan sesuatu kelainan sama ada warna, teknik dan gaya yang berkaitan dengan gunung keramat tersebut, oleh sebab itu hal benda Kinabalu telah dihasilkan dengan pelbagai sudut, teknik, gaya serta media yang di gunakan, jelas sekali kemampuan beliau mempersembahkan karya yang segar dan mempesonakan khalayak.

Beberapa buah karya siri Kinabalu melihatkan pendekatan yang berbeza berdasarkan olahan warna, konsepsi

serta bentuk yang di utarakan oleh beliau. Sebagai seorang pelukis muda berbakat kebanyakan siri karya beliau dihasilkan melalui penyelidikan mendalam serta penerokaan yang baru. Oleh sebab sifat memajukan diri serta ilmu sangat kuat, kini Farit Azmuddin sedang menyiapkan penyelidikan berhubung tajuk senjata tradisional tempatan di peringkat sarjana, pelukis yang tak kenal penat dan jemu sentiasa meningkat dan bergerak maju untuk memartabatkan seni lukis sebagai pemangkin yang mengimbangi kehidupan khalayak moden.

Oleh sebab itu peranan seni dan budaya sangat penting dan tidak boleh dipinggirkan kerana seni adalah semangat serta jiwa dan menentukan hala tuju jati diri rakyat sesebuah negara.

*****PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).*****



SIRI Khazanah borneo siri Catan minyak 2010.